

BAB LIMA

ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

5.0 Pendahuluan

Penganalisan data adalah satu proses mendapatkan maklumat daripada data mentah yang melibatkan proses pengaturan, pemilihan dan penjadualan. (Azhar Muhammmad 2006: 252). Penulis menggunakan dua kaedah pendekatan analisis iaitu kedah kuantitatif dan kualitatif disebabkan kajian ini berasaskan kepada pendekatan kaedah campuran. Sebahagian besar data yang dikumpul dianalisis berasaskan kepada pendekatan yang bersifat kuantitatif dalam bentuk angka untuk ditafsir bagi melambangkan sesuatu pola. Penerangan deskriptif seperti kekerapan, peratusan, bentuk taburan berjadual mengikut siri dan taburan skor menggunakan min digunakan dalam kajian ini. Manakala analisis maklumat secara kualitatif dalam kajian ini berdasarkan kepada hasil maklumat yang diperoleh bagi menyokong dan membuat satu kesimpulan yang lebih rasional.

Dalam bab ini, penulis memilih untuk menjalankan satu kaji selidik berkenaan dengan analisis penguasaan fungsi partikel “al” bahasa Arab dalam kalangan pelajar. Kumpulan pelajar yang dipilih adalah pelajar yang menuntut di tingkatan enam atas di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Sultan Azlan Shah, Bota Seri Iskandar, Perak Darul Ridzwan.

Tujuan analisis penguasaan ini dijalankan adalah untuk mengukur sejauh mana penguasaan pelajar bahasa Arab terhadap fungsi partikel “al” dalam penulisan mereka. Maklumat yang diperolehi daripada kajian ini akan menjelaskan beberapa kekeliruan yang dihadapi oleh pelajar bahasa Arab berkaitan dengan fungsi partikel “al” sebagaimana yang telah dijelaskan oleh penulis dalam bab yang terdahulu.

Keputusan kajian akan dianalisis dalam bahagian-bahagian seperti berikut:

5.1 Soal Selidik

Soal selidik ini adalah analisis diskriptif pada aspek-aspek berikut: (maklumat-maklumat ini telah disebut dalam bab yang lepas, tetapi penulis menyebutnya sekali lagi dalam konteks penganalisan data)

i) Bahagian 1

1 (a) Latar Belakang

Fokus bahagian ini adalah berkaitan latar belakang seperti maklumat diri, sekolah, taraf pendidikan bapa, taraf pendidikan emak, pekerjaan bapa, pekerjaan emak, status ekonomi keluarga, pencapaian PMR, pencapaian bahasa Arab

dalam PMR, pencapaian SPM, pencapaian bahasa Arab dalam SPM, minat dan cita-cita.

1 (b) Persepsi dan Motivasi

Fokus bahagian ini adalah berkaitan motivasi, bahasa, persepsi terhadap bahasa Arab, sumber pengetahuan tentang bahasa Arab, penglibatan aktiviti ko-kurikulum, motivasi terhadap bahasa Arab

ii) **Bahagian 11**

Memberi tumpuan kepada pengetahuan pelajar tentang beberapa aspek berkaitan tajuk kajian. Ianya mengandungi 15 soalan dan di gabungkan kepada tiga unit:

- a) Unit pertama : tentang dorongan mempelajari bahasa Arab
- b) Unit kedua : tentang penglibatan pelajar dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.
- c) Unit ketiga : pengetahuan tentang partikel secara umum dan pengetahuan partikel “al” secara khusus.

5.2 Ujian Bertulis

Bagi melihat fenomena dan mendapatkan gambaran tepat tentang tahap penguasaan Partikel “al” bahasa Arab, penulis telah merangka satu set soalan bertulis tentang penggunaan partikel “al”. Ujian bertulis ini dibahagikan kepada tiga bahagian. Pelajar dikehendaki menjawab semua soalan.

Bahagian-bahagian itu adalah seperti berikut;

I) Bahagian 1

- a) 15 item soalan dikemukakan adalah untuk melihat penguasaan pelajar dalam menentukan perkataan-perkataan yang berimbuhan hadapan (prefix) partikel “al” dalam sesuatu perkataan. Pelajar dikehendaki memilih jawapan yang tepat sama ada skor (ل) atau skor (ب), terdapat pelajar yang tidak menjawab langsung, justeru dalam ruangan analisis penulis telah mencatatkan bilangan dan peratusan pelajar yang tidak menjawab langsung (item dibina berdasarkan jenis partikel “al”).

- b) Item 16-20 dikemukakan adalah untuk melihat penguasaan pelajar bagi menentukan jenis partikel “al”. pelajar dikehendaki menentukan jenis partikel-partikel yang betul.

ii) Bahagian 2

- a) Soalan terjemahan daripada bahasa Melayu ke bahasa Arab dengan menggunakan elemen partikel “al” dalam terjemahan tersebut.
- b) Soalan terjemahan daripada bahasa Arab ke bahasa Melayu dengan menggunakan elemen partikel “al” dalam terjemahan tersebut.

iii) Bahagian 3

Menulis karangan pendek, yang panjangnya tidak kurang dari 25 patah perkataan. Dalam menjawab soalan ini pelajar diberikan kebebasan untuk memilih tajuk karangan yang disukai.

5.3 SUMBER DATA

Bahagian II: Ujian bertulis

Ia merangkumi analisis diskriptif pada aspek berikut:

Bah 2 Ujian bertulis

- a) Keputusan ujian bertulis
- b) Analisis kesilapan

5.4 Profil Responden

Kumpulan pelajar yang dipilih oleh penulis sebagai bahan kajian dalam analisis ini adalah terdiri daripada pelajar yang menuntut di tingkatan enam atas Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Sultan Azlan Shah, Seri Iskandar Perak Darul Ridzwan. Kesemua pelajar yang dipilih merupakan pelajar yang akan mengambil kertas bahasa Arab STPM.

Pelajar-pelajar ini telah mempelajari bahasa Arab di peringkat PMR dan SPM yang tempoh masanya selama lima tahun. Pada peringkat STPM mereka akan mengambil kertas bahasa Arab yang dibahagikan kepada tiga :

Kertas bahasa Arab satu yang mengandungi aspek penulisan karangan, terjemahan dan tatabahasa.

Kertas bahasa Arab dua yang terdiri daripada syair, prosa, sejarah peradaban Arab dan retorik.

Kertas bahasa Arab tiga yang melibatkan perbualan, pembacaan dan perbincangan dalam bahasa Arab.

Maklumat lanjut mengenai kumpulan pelajar yang dipilih adalah seperti berikut:

i-Bilangan pelajar	: 50 orang
ii-Tingkatan	: tingkatan enam
iii-Tempoh pengajian	: 2 tahun (tidak termasuk 6 tahun peringkat menengah rendah dan menengah atas)

5.5 PENGUMPULAN DATA

Perbincangan dalam bab ini melibatkan dapatan yang diperolehi hasil daripada kajian dan ujian analisis penguasaan partikel “al” yang dijalankan oleh penulis terhadap pelajar Tingkatan enam di Sekolah Menengah Azlan Shah, Seri Iskandar.


Bilangan pelajar yang turut serta dalam ujian ini adalah seramai lima puluh (50) orang.

Para pelajar diminta mengemukakan maklumat am tentang diri mereka tanpa menulis nama mereka. Maklumat yang diminta adalah melibatkan usia, jantina, daerah asal dan mata pelajaran yang dipelajari di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Sultan Azlan Shah.

Pecahan terperinci pelajar berdasarkan maklumat-maklumat di atas adalah seperti berikut :

Jadual 5.1: Taburan Bilangan Dan Peratusan berdasarkan Taraf Pendidikan Bapa

Item	Perkara	Peringkat	Kekerapan	Peratus
1	Taraf Pendidikan Bapa	Darjah 6	8	16
		SRP	7	14
		SPM	18	36
		STPM	2	4
		4 Thanawi	1	2
		DIPLOMA	9	18
		IJAZAH	5	10
		MASTER	0	0
		PhD	0	0
Jumlah			50	100




Carta 5.1: Taraf Pendidikan Bapa

Jadual 5.1 dan carta 5.1 menunjukkan majoriti responden atau merangkumi 36% mempunyai taraf pendidikan bapa pada peringkat SPM sahaja, manakala 18% lagi mempunyai bapa yang berpendidikan sehingga ke tahap diploma. Sebanyak 16% peratus responden menyatakan bahawa mereka mempunyai bapa yang berpendidikan pada tahap SRP. Peringkat tertinggi yang dicapai oleh bapa responden adalah pada tahap ijazah yang mewakili 10%, kemudian diikuti oleh tahap pendidikan pada tahap STPM dengan catatan sebanyak 4%, 4 Thanawi 2%. Kajian menunjukkan bahawa tidak ada responden yang mempunyai bapa yang berpendidikan sehingga ke tahap Master dan PhD.

Jadual 5.2: Taburan Bilangan Dan Peratusan berdasarkan Jenis Pekerjaan Bapa

Item	Perkara	Jenis	Kekerapan	Peratus
2	Taraf Pekerjaan Bapa	Kakitangan kerajaan	15	30
		Swasta	13	26
		Bekerja Sendiri	20	40
		Tidak Bekerja	2	4
	Jumah		50	100




Carta 5.2: Jenis Pekerjaan Bapa

Jadual 5.2 dan carta 5.2 menunjukkan majoriti responden atau merangkumi 40% mempunyai bapa pada yang bekerja sendiri. Menduduki tempat kedua sebanyak 30% adalah bapa yang berkhidmat dengan jabatan kerajaan, manakala 26% lagi mempunyai bapa yang bekerjaya dengan syarikat swasta dan 4% lagi mencatatkan bapa yang tidak berkerja.

Jadual 5.3: Taburan Bilangan Dan Peratusan Berdasarkan Tahap Pendidikan Emak

Item	Perkara	Peringkat	Kekerapan	Peratus
3	Taraf pendidikan Emak	Darjah 6	4	8
		SRP	7	14
		SPM	23	46
		STPM	2	4
		4 Thanawi	2	4
		DIPLOMA	9	18
		IJAZAH	3	6
		MASTER	0	0
	PhD	0	0	
	Jumlah		50	100




Carta 5.3: Tahap Pendidikan Emak

Jadual 5.3 dan carta 5.3 menerangkan sebahagian besar responden mempunyai emak yang tahap tertinggi pencapaian akademik mereka sehingga ke tahap SPM iaitu sebanyak 46%. Menduduki tempat kedua dengan peratusan 18% adalah emak responden yang berpendidikan sehingga ke peringkat diploma. Diikuti dengan tahap pendidikan tertinggi peringkat SRP sebanyak 14%. Manakala pada tahap darjah enam sebanyak 8%, peringkat STPM dan 4Thanawi sebanyak 4%. Tahap pendidikan tertinggi yang dicatatkan adalah peringkat ijazah sebanyak 6% dan tidak ada pencapaian akademik pada peringkat master dan PhD.

Jadual 5.4: Taburan Bilangan Dan Peratusan Berdasarkan Jenis Pekerjaan Emak

Item	Perkara	Jenis	kekerapan	Peratus
4	Taraf Pekerjaan Emak	Bekerja Sendiri	12	24
		Swasta	10	20
		Kerajaan	18	36
		Tidak Bekerja	10	20
	Jumah		50	100




Carta 5.4: Jenis Pekerjaan Emak

Jadual 5.4 dan carta 5.4 menunjukkan majoriti responden iaitu merangkumi 36% mempunyai ibu yang bekerja sendiri. Menduduki tempat kedua sebanyak 24% adalah ibu yang berkhidmat dengan jabatan kerajaan, manakala 20% lagi mempunyai ibu yang berkerjaya dengan syarikat swasta dan 20% lagi mencatatkan ibu yang tidak bekerja.

Jadual 5.5: Taburan Bilangan Dan Peratusan Berdasarkan Pencapaian PMR

Item	Perkara	Pencapaian	Kekerapan	Peratus
5	PMR	Tiada A	2	4
		1A	5	10
		2A	9	18
		3A	7	14
		4A	9	18
		5A	10	20
		6A	4	8
		7A	4	8
		8A	0	0
		9A	0	0
Jumlah			50	100



Carta 5.5: Berdasarkan Pencapaian PMR


Dapatan jadual 5.5 menunjukkan bahawa majoriti pelajar mendapat 5A iaitu seramai 10 pelajar (50%) dan 4A dan 2A Setiap satu seramai 9 pelajar (18%) dalam PMR. Diikuti 3A seramai 7 pelajar (14%) 1A seramai 5 pelajar (10%), pencapaian tertinggi yang tercatat ialah 6A dan 7A seramai 4 pelajar setiap satu (8%).dan

pencapaian terendah yang dicatatkan ialah tiada A sebanyak 2 pelajar (4%). Tiada

Item	Perkara	Pencapaian	Kekerapan	Peratus
6	Keputusan Bahasa Arab	A	8	16
		B	13	26
		C	17	34
		D	6	12
		E	6	12
		F	0	0
Jumlah			50	100

pelajar yang mendapat 8A dan 9A.

Jadual 5.6: Taburan Bilangan Dan Peratusan Berdasarkan Pencapaian B.Arab dalam PMR




Carta 5.6: Pencapaian B.Arab dalam PMR

Jadual 5.6 dan carta 5.6 menerangkan pencapaian B.Arab dalam PMR. Sebanyak 8 responden (16%) telah mendapat pangkat A dalam PMR. Diikuti sebanyak 13 responden (26%) telah mendapat pangkat B, seramai 17 responden (34%) yang

mewakili majoriti telah mendapat pangkat C, manakala pangkat D dan E seramai 6 responden (12%) setiap satunya. Pangkat terendah iaitu F mencatatkan tidak ada responden yang mendapat keputusan demikian.

Jadual 5.7: Taburan Bilangan Dan Peratusan Berdasarkan Pencapaian SPM

Item	Perkara	Pencapaian	Kekerapan	Peratus
7	SPM	Tiada A	7	14
		1A	13	26
		2A	13	26
		3A	7	14
		4A	6	12
		5A	2	4
		6A	2	4
		7A	0	0
		8A	0	0
		9A	0	0
		10A	0	0
		11A	0	0
		12A	0	0
Jumlah			50	100




Carta 5.7: Pencapaian SPM

Jadual 5.7 dan carta 5.7 menunjukkan tahap tertinggi pencapaian responden dalam keputusan SPM ialah pada tahap 6A iaitu seramai 2 orang responden (4%) diikuti pencapaian 5A juga seramai 2 orang responden (4%), seterusnya pencapaian pada tahap 4A seramai 6 orang responden (12%). 3A seramai 7 orang responden (14%) manakala pada tahap 2A adalah 13 orang responden (92%) begitu juga pada tahap pencapaian 1A juga seramai 13 orang responden (26%). Tahap terendah yang dicatatkan adalah tiada A dalam pencapaian iaitu seramai 7 orang responden (24%).

Jadual 5.8: Taburan Bilangan Dan Peratusan Berdasarkan Pencapaian B.Arab dalam SPM

Item	Perkara	Pencapaian	Kekerapan	Peratus
8	Keputusan Bahasa Arab	A1	0	0
		A2	0	0
		B3	5	10
		B4	6	12
		C5	10	20
		C6	11	22
		D7	16	32
		E8	2	4
		F9	0	0
Jumlah			50	100




Carta 5.8: Pencapaian B.Arab dalam SPM

Jadual 5.8 dan carta 5.8 menerangkan pencapaian B.Arab dalam SPM. Sebanyak 5 responden (10%) telah mendapat pangkat B3 dalam SPM yang merupakan tahap pencapaian tertinggi yang dicatatkan. Diikuti sebanyak 6 responden (12%) telah mendapat pangkat B4, seramai 10 responden (20%) yang mewakili majoriti telah mendapat pangkat C5, manakala pangkat C6 11 responden (22%) . D7 seramai 16 responden (32%) dan E8 2 responden

(4%) yang merupakan tahap terendah yang dicatatkan, tidak ada responden yang mendapat keputusan demikian.

Jadual 5.9: Taburan Bilangan Dan Peratusan Berdasarkan Cita-Cita

Item	Perkara	Jenis	Kekerapan	Peratus
9	Cita-cita	Peguam	3	6
		Guru	19	38
		Pensyarah	13	26
		Pegawai	3	6
		Pakar Ekonomi	6	12
		Programmer	1	2
		Peniaga	3	6
		Pendakwah	2	4
Jumlah			50	100




Carta 5.9: Berdasarkan Cita-Cita

Jadual 5.9 dan carta 5.9 menerangkan cita-cita responden. Sebanyak 19 responden (38%) bercita-cita menjadi guru yang merupakan peratusan tertinggi yang dicatatkan. Diikuti dengan cita-cita untuk menjadi pensyarah sebanyak 13 responden (26%), seramai 6 responden (12%) bercita-cita menjadi pakar ekonomi. Seramai 3 responden (6%) mempunyai cita-cita menjadi pegawai, bilangan yang sama juga bercita-cita menjadi

peguam dan peniaga. Pendakwah menjadi pilihan kepada 2 responden (4%) dan programmer komputer menjadi pilihan terendah yang dicatatkan iaitu 1 responden (2%).

Jadual 5.10: Taburan Bilangan Dan Peratusan Berdasarkan Minat

Item	Perkara	Ciri-ciri	Kekerapan	Peratus
10	Minat	Melayari Internet	7	14
		Membaca	23	46
		Bersukan	7	14
		Melukis	3	6
		Berniaga	2	4
		Psikologi	1	2
		Memasak	3	6
		Mendengar radio	2	4
		Aktiviti luar	1	2
		Menconteng	1	2
Jumlah			50	100




Carta 5.10: Berdasarkan Minat

Jadual 5.10 dan carta 5.10 menerangkan taburan bilangan dan peratusan berdasarkan minat responden. Seramai 23 responden (46%) responden menjadikan membaca sebagai minat utama mereka. Bersukan dan melayari internet menjadi

pilihan kedua terbanyak iaitu sebanyak 7 responden (14%) setiap satunya. Seramai 3 responden (6%) mempunyai minat melukis, bilangan yang sama juga menjadikan memasak sebagai minat utama mereka. 2 responden (4%) menjadikan berniaga sebagai minat utama mereka, begitu juga 2 responden yang lain turut memilih mendengar radio sebagai minat utama mereka. Manakala minat yang paling kurang yang dicatatkan ialah menconteng iaitu sebanyak 1 responden (2%) dan aktiviti luar juga 1 responden (2%).

Jadual 5.11: **Taburan Bilangan dan Peratusan Berdasarkan Pencapaian Kokurikulum Yang Berkaitan Bahasa Arab**

Item	Perkara	Bidang	Kekerapan	Peratus
11	Pencapaian Kokurikulum	B.Arab	2	4
		Lain-lain	48	96
Jumlah			50	100




Carta 5.11: Bidang Pencapaian Kokurikulum yang berkaitan bahasa Arab

Jadual 5.11 dan carta 5.11 menerangkan taburan bilangan dan peratusan berdasarkan pencapaian kokurikulum yang mempunyai kaitan dengan bidang bahasa Arab. Sebanyak 2 responden (4%) sahaja yang telah mempunyai pencapaian kokurikulum yang ada

kaitan dengan bidang bahasa Arab. Manakala majoriti 48 responden lain mencatatkan tidak mempunyai sebarang pencapaian dalam bidang kokurikulum yang berkaitan bidang bahasa Arab.

Jadual 5.12: **Taburan Bilangan Dan Peratusan Berdasarkan Peringkat Pencapaian Kokurikulum**

Item	Perkara	Tahap	Kekerapan	Peratus
12	Peringkat pencapaian	Sekolah	1	20
		Zon	0	0
		Daerah	0	0
		Negeri	1	20
		Kebangsaan	0	0
		Antarabangsa	0	0
Jumlah			2	40



Carta 5.12: Peringkat Pencapaian Kokurikulum

Jadual 5.12 dan carta 5.12 menerangkan taburan bilangan dan peratusan berdasarkan peringkat pencapaian kokurikulum yang mempunyai kaitan dengan bidang bahasa Arab. Sebanyak 1 responden (2%) yang telah mempunyai pencapaian kokurikulum yang ada kaitan dengan bidang bahasa Arab pada peringkat sekolah. Dan seorang

respondan lagi (2%) telah mencatatkan pencapaian pada peringkat negeri. Manakala majoriti 48 responden lain mencatatkan tidak mempunyai sebarang pencapaian dalam bidang kokurikulum yang berkaitan bidang bahasa Arab dalam sebarang peringkat.

Jadual 5.13: Taburan Bilangan dan Peratusan Berdasarkan Pencapaian dalam Bidang Bahasa Arab

Item	Perkara	Ciri-ciri	Kekerapan	Peratus
13	Bidang	B.Arab	1	20
		Lain-lain	0	0
Jumlah			1	20




Carta 5.13: Pencapaian dalam Bidang Bahasa Arab

Dapatan jadual 5.13 dan carta 5.13 menunjukkan hanya seorang pelajar atau dua peratus sahaja pelajar yang melibatkan diri dalam ko kurikulum yang berkaitan bahasa Arab dan telah mencapai kejayaan.

Bahagian (b) Sikap Dan Motivasi Terhadap Bahasa Arab

Jadual 5.14: Taburan Bilangan Dan Peratusan Berdasarkan Persepsi Pelajar Terhadap Bahasa Arab.

Item	Perkara	Persepsi	Kekerapan	Peratus
14	Persepsi pelajar terhadap bahasa Arab	Sangat sukar dipelajari	5	10
		Sukar dipelajari	22	44
		Sederhana	19	38
		Mudah dipelajari	3	6
		Amat mudah dipelajari	1	2
Jumlah			50	100




Carta 5.14: Persepsi pelajar terhadap bahasa Arab

Dapatan jadual 5.14 Menunjukkan majoriti pelajar 22 orang (44%) berpendapat mempelajari bahasa Arab adalah sukar dan 10 pelajar (20%) berpendapat bahasa Arab amat sukar dipelajari. Seramai 19 pelajar (38%) berpendapat kesukaran mempelajari bahasa Arab adalah sederhana. Manakala 3 pelajar (6%) berpendapat

bahawa mempelajari bahasa Arab adalah mudah dan hanya seorang pelajar (2%) sahaja yang berpendapat bahawa bahasa Arab amat mudah dipelajari.

Jadual 5.15: **Taburan Bilangan Dan Peratusan Berdasarkan Cita-cita Ingin Menguasai Bahasa Arab**

Item	Perkara	Tahap	Kekerapan	Peratus
15	Menguasai Bahasa Arab	Ingin kuasai dengan Baik	45	90
		Sederhana	3	6
		Tidak ingin	2	4
	Jumlah		50	100



Carta 5.15: Cita –cita ingin menguasai Bahasa Arab


Dapatan jadual 5.15 menunjukkan majoriti pelajar bercita-cita menguasai bahasa Arab dengan baik iaitu sebanyak 45 pelajar (90%). Manakala 3 pelajar (6%) ingin menguasai secara sederhana sahaja dan 2 (4%) tidak ingin menguasai bahasa Arab.

Bahagian (2) Analisis Diskriptif

Berikut ialah analisis bilangan dan peratusan bagi melihat pendapat, pengetahuan dan tindakan pelajar terhadap setiap item dalam faktor-faktor di bawah pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Kesemua item-item mempunyai format jawapan sangat tidak setuju (STS), tidak setuju (TS) dan sangat setuju (SS).

Jadual 5.16: **Bilangan dan Peratusan Respondan Yang Menjawab Setiap Soalan Di bawah Item Dorongan dan Sebab Mempelajari Bahasa Arab**

Bil	Kenyataan	STS		TS		S		SS	
		Bil	Peratus	Bil	Peratus	Bil	Peratus	Bil	Peratus
1	Sangat menyukainya	1	2	10	20	30	60	9	18
2	Menurut kehendak keluarga	14	28	16	32	18	36	2	4
3	Ingin memahami bahan bacaan Bahasa Arab	1	2	4	8	33	66	12	24
4	Ingin memahami al-Quran	0	0	1	2	20	40	29	58
5	Ingin mendapat pekerjaan yang baik	3	6	10	20	21	42	16	32



Carta 5.16:

Dalam jadual 5.16 dapatlah dibuat beberapa kesimpulan tentang sebab dan dorongan mereka mempelajari bahasa Arab. Kebanyakan responden bersetuju tentang perkara-perkara berikut.

1. Mempelajari bahasa Arab kerana mereka sangat menyukainya (60% sangat setuju).
2. Mempelajari bahasa Arab kerana ingin memahami bahan bacaan bahasa Arab (36% sangat setuju).
3. Mempelajari bahasa Arab kerana ingin memahami al-Quran. (66 % setuju)
4. Mempelajari bahasa Arab kerana ingin mendapat pekerjaan yang baik (40% setuju).

Kebanyakan responden pula tidak bersetuju dengan kenyataan bahawa mereka mempelajari bahasa Arab kerana menurut kehendak keluarga (14 responden (28%) sangat tidak bersetuju dan 16 responden (32%) tidak bersetuju).


Dapatan di atas jelas menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar mempunyai minat yang tinggi untuk mempelajari bahasa Arab. Minat mereka untuk mempelajari bahasa Arab adalah tercetus daripada kehendak mereka sendiri dengan dorongan–dorongan yang bersifat keagamaan seperti keinginan memahami al-Quran. Namun apa yang mendukacitakan minat yang tinggi ini tidak menjadi momentum kepada mereka untuk berusaha dengan lebih gigih untuk menguasai bahasa Arab. Dapatan berikut akan membuktikan sikap pelajar yang tidak selari dengan minat mereka.

Jadual 5.17: Taburan Bilangan dan Peratus Respondan Yang Menjawab

Soalan Di bawah Item Aktiviti Yang Sering Disertai Dalam

Kelas Bahasa Arab.

Bil	Kenyataan	STS		TS		S		SS	
		Bil	Peratus	Bil	Peratus	Bil	Peratus	Bil	Peratus
6	Aktiviti membaca	1	2	10	20	30	60	9	18
7	Menulis jawapan di hadapan kawan-kawan	8	16	14	28	20	40	8	16
8	Soal jawab dengan guru	1	2	4	8	33	66	12	24
8	Perbincangan dengan kawan-kawan	0	0	1	2	20	40	29	58
10	Lakonan semula dialog	3	6	10	20	21	42	16	32



Carta 5.17

Dari jadual 5.17 di atas dapat dibuat beberapa kesimpulan tentang penglibatan pelajar dalam beberapa aktiviti dalam kelas yang sering dilakukan oleh guru. Dapatan

menunjukkan bahawa kebanyakan responden memilih untuk tidak menyertai aktiviti kelas yang agak mencabar dan memerlukan keberanian. Aktiviti-aktiviti tersebut adalah seperti berikut:

1. Menulis jawapan dihadapan kawan- kawan (2% sangat tidak setuju dan 20% tidak setuju).
2. Soal jawab dengan guru (16% sangat tidak setuju dan 28% tidak setuju)
3. Pembentangan sesuatu tugas (2% sangat tidak setuju dan 85% tidak setuju).
4. Melakonan semula sesuatu dialog (18% sangat tidak setuju dan 20% tidak setuju).

Sementara aktiviti yang paling digemari oleh kebanyakan pelajar:


1. Aktiviti membaca (18 %).
2. Perbincangan dengan kawan-kawan (16%).

Dari gerak balas pelajar tentang penyertaan dalam aktiviti dalam kelas dapatlah dibuat kesimpulan bahawa kebanyakan pelajar keberatan menyertai atau melakukan aktiviti yang agak mencabar dan memerlukan sedikit keberanian menampilkan keupayaan sebenar mereka berbahasa Arab. Ini menunjukkan tahap penguasaan bahasa Arab pelajar amat rendah kerana jika dalam kelas mereka enggan menggunakannya dan bersikap positif apatah lagi jika di luar kelas.

Jadual 5.18: Taburan Bilangan dan Peratus Respondan Yang Menjawab

Soalan Di bawah Item Pengetahuan Jenis-jenis Partikel Dalam B.A

Bil	Kenyataan	STS		TS		S		SS	
		Bil	Peratus	Bil	Peratus	Bil	Peratus	Bil	Peratus
11	Jenis partikel dalam bahasa Arab	40	80	10	20	0	00	0	00
12	Jenis partikel “al” dalam bahasa Arab	42	84	8	16	0	00	0	00
13	Jenis-jenis <i>ma’rifat</i> dan <i>nakirat</i>	12	24	38	76	0	00	0	00
14	Penggunaan partikel “al” dan fungsi-fungsi maknanya.	48	96	2	4	0	00	0	00



Carta 5.18

Jadual 5.18 menunjukkan bilangan dan peratus pengetahuan responden tentang pengetahuan berkaitan partikel dalam bahasa Arab. Secara keseluruhannya kebanyakan responden tidak mengetahui dengan baik tentang partikel dalam bahasa Arab.

Berdasarkan peratusan pelajar yang sangat tidak setuju dan tidak setuju, dibuktikan bahawa kebanyakan responden tidak memiliki pengetahuan berikut:

- 1 Pengetahuan tentang jenis- partikel yang terdapat dalam bahasa Arab (80% tidak mengetahui).
- 2 Pengetahuan tentang jenis partikel "al" dalam bahasa Arab (84% sangat tidak mengetahui).
- 3 Perbezaan antara *ma'rifat* dan *nakirat* (24% sangat tidak mengetahui).
- 4 Cara membezakan penggunaan partikel "al" dalam bahasa Arab (96% sangat tidak mengetahui).

PILIH JENIS KATA YANG MEMPUNYAI FONEM “AL” YANG SESUAI

(soalan 1-15)


Untuk memudah kefahaman penulis menyediakan jadual dan graf.

أل العَهْد

عُطْلَةٌ رَسْمِيَّةٌ، لَا تَعْمَلُ فِيهَا _____ (1)
 (أ) الْيَوْمَ (ب) يَوْمَ

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus
1	“al” Benda Hadir أل للعَهْد الحَضُورِي	أ	41	82
		ب	9	18
		tidak menjawab	0	0
Jumlah			50	100

Jadual 5.19 Partikel “al” untuk Benda Hadir



Geraf 5.1: Partikel “al” untuk Benda Hadir


Jadual 5.19 dan geraf 5.1 menunjukkan bahawa 41 orang responden atau (82%) menjawab skor (أ). Manakala sebanyak 9 orang responden atau (18%) menjawab skor (ب) dan tidak seorang pun responden yang tidak menjawab soalan ini. Secara keseluruhannya responden berjaya menjawab soalan ini kerana jawapannya ialah skor (أ).

(2) هل اشتریتَ _____ ؟

(ا) الجريدة (ب) جريدة

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus
2	Untuk Benda Maklum (أل للعهد العلمي)	ا	32	64
		ب	17	34
		tidak menjawab	1	2
			50	100

Jadual 5.20 Untuk Benda Maklum




Geraf 5.2 Untuk Benda Maklum

Jadual 5.20 dan geraf 5.2 memaparkan persoalan mengenai alif lam al-'ahdu. Keputusan menunjukkan 32 orang responden atau (64%) menjawab skor (ا). 17 orang responden atau (32%) menjawab skor (ب) dan hanya seorang responden atau (2%) yang tidak menjawab soalan ini.

(3) أَقْبَلْتُ سَيَّارَةَ فَرَكَيْتُ
 (ا) السَّيَّارَةَ (ب) سَيَّارَةَ

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus
3	Benda Yang Disebut (أَل لِلْعَهْدِ الذِّكْرِي)	ا	36	72
		ب	13	26
		tidak menjawab	1	2
			50	100

Jadual 5.21 Benda Yang Disebut




Graf 5.3 Benda Yang Disebut

Jadual 5.21 dan graf 5.3 menunjukkan seramai 36 orang responden iaitu (72%) menjawab skor (ا) dan 26 orang responden atau (13%) menjawab skor (ب). Hanya seorang responden atau (2%) yang tidak menjawab soalan ini.

(4) مَدَنِيَّة بِالطَّبْعِ
(ا) الإنسان (ب) إنسان

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus
4	Jenis Mutlak (أل للجنس الكلي أو الذاتي)	ا	36	72
		ب	16	28
		tidak menjawab	1	2
Jumlah			50	100

Jadual 5.22: **Jenis mutlak**



Geraf 5.4: **Jenis Mutlak**


Jadual 5.22 dan geraf 5.4 memaparkan dalam 43 orang responden iaitu (86%) menjawab dengan betul bagi soalan ini dengan memilih skor (ا). Manakala 6 orang responden atau (12%) menjawab skor (ب) dan seorang sahaja yang tidak mampu menjawab soalan.

أَلِ الْعَهْدِ الْحَضُورِيِّ

(5) الْيَوْمَ يَأْتِي _____ إِلَى بَيْتِ الطَّلَبَةِ
 (أ) الْمُدِيرِ (ب) مُدِيرِ

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus
5	Jenis Anggapan (أَلِ لِلْجِنْسِ الْمَجَازِيِّ)	أ	29	58
		ب	21	42
		tidak menjawab	0	0
	Jumlah		50	100

Jadual 5.23: Jenis Anggapan




Geraf 5.5: Jenis Anggapan

Jadual 5.23 dan geraf 5.5 menjelaskan mengenai alif lam al-‘ahd al-huduri. Sebanyak 29 orang responden atau (58%) memilih untuk menjawab skor (أ), 21 orang atau (42%) responden (ب) dan tidak seorang pun yang tidak menjawab soalan ini menjawab skor.

(6) أَسَافِرُ إِلَى _____ لِلعُمْرَةِ؟
 (ا) المَدِينَةُ (ب) مَدِينَةُ

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus
6	Jenis Hakikat (أَل للجنس الحقيقي الذهني)	ا	40	80
		ب	10	20
		tidak menjawab	0	0
	Jumlah		50	100

Jadual 5.24: **Jenis Hakikat**




Geraf 5.6: **Jenis Hakikat**

Jadual 5.24 dan geraf 5.6 menunjukkan bahawa 40 orang responden atau (80%) berjaya menjawab dengan betul kerana memilih jawapan skor (ا). Seramai 10 orang responden atau (20%) tidak memilih jawapan yang betul apabila memilih jawapan skor (ب) dan tiada responden yang tidak menjawab.

(7) نَزَلَ مَطَرٌ فَأَنْعَشَ _____ النَّبَاتَ
 (ا) المَطَرِ (ب) مَطَرِ

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus
7	Sifat Pelaku (أل لصفة الفاعل)	ا	21	42
		ب	29	58
		tidak menjawab	0	0
Jumlah			50	100

Jadual 5.25: **Sifat Pelaku**



Geraf 5.7: **Sifat Pelaku**


Jadual 5.25 dan geraf 5.7 menunjukkan bahawa 21 orang responden atau (42%) menjawab skor (ا). Manakala sebanyak 29 orang responden atau (58%) menjawab skor (ب) dan tidak seorang pun responden yang tidak menjawab soalan ini.

أل الجنس

(8) أقوى من المرأة
(ا) الرجل (ب) رجل

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus
8	Jenis Hakikat (أل للجنس الحقيقي الذهني)	ا	40	80
		ب	10	20
		tidak menjawab	0	0
Jumlah			50	100

Jadual 5.26: **Jenis Hakikat**




Graf 5.8: **Jenis Hakikat**

Jadual 5.26 dan graf 5.8 memaparkan soalan mengenai alif lam al-jins. Keputusan menunjukkan 40 orang responden atau (80%) menjawab skor (ا). 10 orang responden atau (20%) menjawab skor (ب) dan tidak seorang responden yang tidak menjawab soalan ini.

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus
9	Sifat Pelaku (أَل لصفة الفاعل)	ا	27	54
		ب	22	44
		tidak menjawab	1	2
Jumlah			50	100

Jadual 5.27: **Sifat Pelaku**




Graf 5.9 **Sifat Pelaku**

Jadual 5.27 dan graf 5.9 menunjukkan seramai 27 orang responden iaitu (54%) menjawab skor (ا) dan 22 orang responden atau (44%) menjawab skor (ب). Hanya seorang atau (2%) yang tidak menjawab soalan ini.

أَلِ الْمَوْصُولَةِ
 (10) الْأَمِينُ هُوَ _____ بِالْحَقِّ، لَا يَخْدَعُ النَّاسَ
 (أ) الْقَائِلُ (ب) قَائِلُ

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus
10	Sifat Pelaku (أَلِ لُصْفَةِ الْفَاعِلِ)	أ	28	56
		ب	21	42
		tidak menjawab	1	2
Jumlah			50	100

Jadual 5.28: **Sifat Pelaku**




Geraf 5.10: **Sifat Pelaku**

Jadual 5.28 dan geraf 5.10 memaparkan tentang alif lam al-mausulah. Dalam 28 orang responden iaitu (56%) menjawab dengan betul bagi soalan ini dengan memilih skor (أ). Manakala 21 orang atau (42%) menjawab skor (ب) dan seorang sahaja atau (2%) yang memilih untuk tidak menjawab.

(11) مَنْ _____ فِي هَذِهِ الْقِصَّةِ؟
 (ا) الْمَسْئُول (ب) مَسْئُول

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus
11	Sifat Objek (أل لصفة المفعول)	ا	28	56
		ب	20	40
		tidak menjawab	2	4
	Jumlah		50	100

Jadual 5.29 Sifat Objek




Graf 5.11: Sifat Objek

Jadual 5.29 dan graf 5.11 menjelaskan sebanyak 28 orang responden atau (56%) memilih untuk menjawab skor (ا), 20 orang responden atau (40%) menjawab skor (ب) dan 2 orang iaitu (4%) yang tidak menjawab soalan ini.

(12) قال تعالى (إِنَّهُ هُوَ الرَّحِيمُ)
 (ا) العَفُور (ب) غَفُور

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus
12	Sifat Pelaku (أَل لصفة الفاعل)	ا	34	68
		ب	15	30
		tidak menjawab	1	2
	Jumlah		50	100

Jadual 5.30: Sifat Pelaku




Graf 5. 12: Sifat Pelaku

Jadual 5.30 dan graf 5.12 menunjukkan bahawa 34 orang responden atau (68%) berjaya menjawab dengan betul kerana memilih jawapan skor (ا). Seramai 15 orang responden atau (30%) tidak memilih jawapan yang betul apabila memilih jawapan skor (ب) dan seorang responden atau (2%) memilih untuk tidak menjawab soalan ini.

(13) أل الزائدة
 (أ) اليَسَع (ب) يَسَع

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus
13	Tambahan Kekal (أل الزائدة اللازمة)	ا	29	58
		ب	11	22
		tidak menjawab	10	20
Jumlah			50	100

Jadual 5.31: Tambahan Kekal




Geraf 5.13 Tambahan Kekal

Jadual 5.31 dan geraf 5. 13 memaparkan persoalan mengenai alif lam al-za:idah. Dalam 29 orang responden iaitu (58%) menjawab dengan betul bagi soalan ini dengan memilih skor (ا). Manakala 11 orang responden atau (22%) menjawab skor (ب) dan seramai 10 orang atau (20%) yang tidak mampu menjawab soalan ini

14 (أ) اللات (ب) لات

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus
14	Tambahan kekal (أل الزائدة اللازمة)	ا	27	54
		ب	9	18
		tidak menjawab	14	28
	Jumlah		50	100

Jadual 5.32: Tambahan kekal



Graf 5.14: Tambahan kekal


Jadual 5.32 dan graf 5.14 menjelaskan sebanyak 27 orang responden atau (54%) memilih untuk menjawab skor (ا), 9 orang atau (18%) responden menjawab skor (ب) dan 14 orang responden atau (28%) yang tidak menjawab soalan ini.

(ب) ان

(أ) الآن (15)

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus
15	Tambahan Kekal (أل الزائدة اللازمة)	ا	31	62
		ب	5	10
		tidak menjawab	14	28
	Jumlah		50	100

Jadual 5.33: **Tambahan Kekal**



Graf 5.15: **Tambahan Kekal**

Jadual 5.33 dan graf 5.15 menunjukkan bahawa 31 orang responden atau (62%) berjaya menjawab dengan betul kerana memilih jawapan skor (ا). Seramai 5 orang responden sahaja atau (10%) tidak memilih jawapan yang betul apabila memilih jawapan skor (ب) dan 14 orang responden atau (28%) yang tidak menjawab soalan ini.


Tentukan jenis-jenis partikel “al” bagi perkataan-perkataan berikut:

(16) الْيَوْمَ يَحْضُرُ أَسَاطِي

(ا) أَل للعهد (ب) أَل الموصولة (ت) أَل الزائدة

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus
16	Benda Hadir أَل للعهد الحضورى	ا	27	54
		ب	9	18
		ت	14	28
	Jumlah		50	100

Jadual 5.34: **Benda Hadir**



Geraf 5.16: **Benda Hadir**


Jadual 5.34 dan geraf 5. 16 menjelaskan sebanyak 27 orang responden atau (54%) memilih untuk menjawab skor (ا), 9 orang atau (18%) responden menjawab skor (ب) dan 14 (28%) orang responden memilih skor (ت).

(17) أَتَدَهَبُ إِلَى الْمُدْرِسِ

(ا) أَلْ لِلْعَهْدِ (ب) أَلْ الْمَوْصُولَةَ (ت) أَلْ الزَّائِدَةَ

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus
17	Benda Maklum (أَلْ لِلْعَهْدِ الْعِلْمِيِّ)	ا	31	62
		ب	5	10
		ت	14	28
	Jumlah		50	100

Jadual 5.35: **Benda Maklum**



Graf 5.17: **Benda Maklum**


Jadual 5.35 dan graf 5.17 menunjukkan bahawa 31 orang responden atau (62%) berjaya menjawab dengan betul kerana memilih jawapan skor (ا). Seramai 5 orang responden sahaja atau (10%) tidak memilih jawapan yang betul apabila memilih jawapan skor (ب) dan 14 orang responden atau (28%) yang memilih jawapan skor (ت).

(18) هذا هو المُخْلِص

(ا) أل للعهد (ب) أل الموصولة (ت) أل الزائدة

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus
18	Sifat Pelaku (أل لصفة الفاعل)	ا	28	56
		ب	20	40
		ت	2	4
	Jumlah		50	100

Jadual 5.36: Sifat Pelaku




Graf 5.18 Sifat Pelaku

Jadual 5.34 dan graf 5.18 menjelaskan sebanyak 28 orang responden atau (56%) memilih untuk menjawab skor (ا), 20 orang responden atau (40%) menjawab skor (ب) dan 2 orang iaitu (4%) yang menjawab skor (ت) .

(19) الحَسَن، الكَرِيم، المَنصُور، الحُسَيْن
 (si penolong, sipemurah)
 (أ) أل للعهد (ب) أل الموصولة (ت) أل الزائدة

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus
19	Tambahan Sengaja (أل الزائدة العارضة الختياري)	ا	34	68
		ب	15	30
		ت	1	2
Jumlah			50	100

Jadual 5.37: Tambahan Sengaja




Graf 5.19: Tambahan Sengaja

Jadual 5.37 dan graf 5.19 menunjukkan bahawa 34 orang responden atau (68%) berjaya menjawab dengan betul kerana memilih jawapan skor (ا). Seramai 15 orang responden atau (30%) tidak memilih jawapan yang betul apabila memilih jawapan skor (ب) dan seorang responden atau (2%) memilih jawapan skor (ت).

(20) العَجُوزِ الضَّعِيفِ المِكرِ جَاهِلِ
 (ا) أَل للعهد (ب) أَل الموصولة (ت) أَل الزائدة

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus
20	Sifat Tabii (ال للصفة المشبهة)	ا	29	58
		ب	11	22
		ت	10	20
	Jumlah		50	100

Jadual 5.38: Sifat Tabii



Graf 5.20 Sifat Tabii

Jadual 5.38 dan graf 5.20 memaparkan persoalan mengenai alif lam al-zaidah. Dalam 29 orang responden iaitu (58%) menjawab dengan betul bagi soalan ini dengan memilih skor (ا). Manakala 11 orang responden atau (22%) menjawab skor (ب) dan seramai 10 orang atau (20%) yang memilih jawapan skor (ت).

Analisis Keseluruhan Item

Berikut adalah analisis keseluruhan dapatan kajian bagi setiap item :

k= kekerapan %= peratus

Jadual 5.39 Keseluruhan Dapatan Kajian Bagi Setiap Item

Item	Perkara	Keputusan Ujian Bertulis					
		Skor (ل)		Skor (ب)		Tidak Menjawab	
		K	%	K	%	K	%
1	Benda Hadir (أل العهد الحضورى)	41	82	9	18	0	0
2	Untuk Benda Maklum (أل للعهد العلمى)	32	64	17	34	1	2
3	Benda Yang Disebut (أل للعهد الذكرى)	36	72	13	26	1	2
4	Jenis Mutlak (أل للجنس الكلى أو الذاتى)	39	78	6	12	4	8
5	Jenis Anggapan (أل الجنس المجازى)	29	58	21	42	0	0
6	jenis hakikat (أل للجنس الحقيقى الدهنى)	39	78	10	20	1	2
7	Sifat Pelaku (أل لصفة الفاعل)	21	42	29	58	0	0
8	Jenis Hakikat (أل للجنس الحقيقى الدهنى)	40	80	10	20	0	0
9	Sifat Pelaku (أل لصفة الفاعل)	27	54	22	44	1	2
10	Sifat Pelaku (أل لصفة الفاعل)	28	56	21	42	1	2
11	Sifat Objek (أل لصفة المفعول)	28	56	20	40	2	4
12	Sifat Pelaku (أل لصفة الفاعل)	34	68	15	30	1	2
13	Tambahan Kekal (أل الزائدة اللازمة)	29	58	11	22	10	20
14	Tambahan Kekal (أل الزائدة اللازمة)	27	54	9	18	14	28
15	Tambahan Kekal (أل الزائدة اللازمة)	31	62	5	10	14	28

5.1.1 (b) Item 16-20 dikemukakan adalah untuk melihat penguasaan pelajar bagi menentukan jenis partikel “al”. pelajar dikehendaki menentukan jenis partikel-partikel yang betul. Dapatan keseluruhan kajian adalah seperti berikut:

Jadual 5.40 Keputusan Item 16-20

Item	Perkara	Keputusan Ujian Bertulis					
		Skor (أ)		Skor (ب)		Skor (ت)	
		K	%	k	%	K	%
16	Benda Hadir (أل العهد الحضورى)	27	54	9	18	14	28
17	Benda Maklum (أل للعهد العلمى)	31	62	5	20	14	28
18	Sifat Pelaku (أل لصفة الفاعل)	28	56	20	40	2	4
19	Tambahan Sengaja (أل الزائدة العارضة الاختيارية)	34	68	15	30	1	2
20	Sifat Tabii (أل للصفة المشبهة)	29	58	11	22	10	20

5.1.1(c) Berikut pula adalah analisis keseluruhan keputusan kajian terhadap soalan–soalan yang dikemukakan berdasarkan skor tepat dan salah. (pelajar yang dapat menjawab dengan betul dan perbandingan dengan pelajar yang menjawab dengan salah).

Jadual 5.41 Keputusan Keseluruhan Item 1-15

Bil	Perkara	Keputusan Ujian Bertulis			
		Skor tepat		Skor salah	
		K	%	K	%
1	Benda Hadir (أل العهد الحضوري)	41	82	8	16
2	Untuk Benda Maklum (أل للعهد العلمي)	32	64	18	36
3	Benda Yang Disebut (أل للعهد الذكري)	36	72	14	28
4	Jenis Mutlak (أل للجنس الكلي أو الذاتي)	39	78	16	28
5	Jenis Anggapan (أل الجنس المجازي)	29	58	21	42
6	Jenis Hakikat (أل للجنس الحقيقي الذهني)	40	80	10	20
7	Sifat Pelaku (أل لصفة الفاعل)	21	42	29	58
8	Jenis Hakikat (أل للجنس الحقيقي الذهني)	40	80	10	20
9	Sifat Pelaku (أل لصفة الفاعل)	27	54	23	46
10	Sifat Pelaku (أل لصفة الفاعل)	28	56	22	44
11	Sifat Objek (أل لصفة المفعول)	28	56	22	44
12	Sifat Pelaku (أل لصفة الفاعل)	34	68	16	32
13	Tambahan Kekal (أل الزائدة اللازمة)	29	58	21	42
14	Tambahan Kekal (أل الزائدة اللازمة)	27	54	23	46
15	Tambahan Kekal (أل الزائدة اللازمة)	31	62	19	38
16	Benda Hadir (أل العهد الحضوري)	27	54	23	46
17	Benda Maklum (أل للعهد العلمي)	31	62	19	38

16	Sifat Pelaku (أل لصفة الفاعل)	28	56	22	44
19	Tambahan Sengaja (أل الزائدة العارضة الاختيارية)	34	68	16	32
20	Sifat Tabii (أل للصفة المشبهة)	29	58	21	42

5.4 Pencapaian soalan terjemahan

Soalan 21 adalah bertujuan menilai kemampuan pelajar menggunakan partikel "al" dalam pembentukan ayat. Dalam soalan ini pelajar dikehendaki melakukan dua versi terjemahan, pertama terjemahan ke dalam bahasa Melayu, kedua terjemahan ke dalam bahasa Arab.


Ayat-ayat untuk diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu daripada bahasa Arab adalah seperti berikut:

- 1) Siapakah yang bertanggung jawab dalam kes ini?
- 2) Orang yang jujur ialah orang yang berkata benar.
- 3) Adakah awak telah menjual kereta tersebut?
- 4) Manusia berakal.
- 5) Perempuan lebih lemah daripada lelaki.

Manakala ayat-ayat untuk diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu daripada bahasa Arab adalah seperti berikut :

النَّجْمُ مُضِيءٌ بِذَاتِهِ
 الْبَيْتُ الْكَبِيرَ الْجَمِيلُ صَاحِبُهُ مَسْكِينٌ
 الْآنَ سَنَنْطَلِقُ إِلَى الْمَدِينَةِ لِلزِّيَارَةِ
 الْآنَ نَذْهَبُ إِلَى الْمَدِينَةِ لِشِرَاءِ الْمَلَابِسِ

5.4.1 Keputusan pencapaian Soalan terjemahan versi bahasa Melayu ke dalam bahasa Arab




Geraf 5.21 Soalan Terjemahan Versi Bahasa Melayu

Dalam soalan terjemahan pelajar dikehendaki menterjemahkan 5 ayat dalam bahasa Melayu ke dalam bahasa Arab fokus utama soalan –soalan ini adalah penggunaan partikel ‘al’ yang betul. Rajah menunjukkan seramai 35 pelajar (70%) telah gagal menjawab kelima-lima soalan yang diberikan, 10 pelajar (20%) berjaya menjawab dengan menggunakan partikel “al” dengan betul 3 daripada ayat tersebut, dan hanya 5 pelajar sahaja yang berjaya menjawab kelima-lima soalan yang diberikan. Kegagalan pelajar adalah

berpunca dari kelemahan pelajar yang tidak menguasai fungsi penggunaan partikel “al” atau tidak dapat membezakan fungsi-fungsi maknanya.

5.4.2 Keputusan Pencapaian Soalan Terjemahan Versi Bahasa Arab ke Dalam Bahasa Melayu



Graf 5.22: Soalan Terjemahan Versi Bahasa Arab

Dalam soalan ini pelajar dikendaki menterjemahkan 4 ayat dalam bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu. Rajah 5.22 menunjukkan seramai 27 pelajar (54%) gagal mengaplikasikan partikel “al” dengan tepat . 17 pelajar (34%) berjaya menggunakan dengan betul dalam dua ayat yang diberikan. Dan 6 pelajar (12 %) berjaya menggunakan partikel “al” dengan tepat dalam penterjemahan mereka.

Penulis berpendapat hasil dapatan analisis terhadap perterjemahan yang dilakukan oleh pelajar mendapati tahap penguasaan pelajar amatlah lemah, Faktor kelemahan ini antaranya disebabkan pelajar tidak dapat membezakan penggunaan partikel “al” tersebut, mereka tidak tahu bilakah yang sepatutnya diletakkan “al” dan bila pula patut dibuang. Penyebab fenomena ini kerana faktor bahasa ibunda pelajar sendiri yang tidak wujud aspek seperti ini justeru pelajar telah keliru dalam aspek penterjemahan mereka.


Hasil analisis juga menunjukkan proses terjemahan bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu didapati lebih dikuasai pelajar berbanding sebaliknya. Data menunjukkan pelajar yang lemah menggunakan partikel “al” dalam versi terjemahan Melayu ke dalam bahasa Arab adalah sebanyak 70% berbanding 54% dalam versi Arab ke dalam bahasa Melayu. Manakala peratusan pelajar yang cemerlang dalam terjemahan mereka dari bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu adalah sebanyak 3% sahaja berbanding 12% pelajar yang berjaya dalam terjemahan dari bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu.

Antara faktor kelemahan pelajar adalah berpunca daripada tejemahan terus daripada bahasa ibunda pelajar, seperti yang telah dibentangkan dalam bab yang lepas bahawa aspek penggunaan partikel “al” dalam bahasa Melayu adalah tidak wujud barbanding bahasa Arab, justeru pelajar Melayu menghadapi kesukaran dan kekeliruan dalam membezakan penggunaan

partikel “al” tentang bilakah yang patut diletakkan “al” dan bila yang patut di buang. Di samping faktor-faktor lain seperti tahap pencapaian akademik yang lemah, motivasi yang kurang, teknik yang kurang berkesan oleh pelajar itu sendiri.

5.5 Pencapaian Soalan Karangan

Dalam soalan bahagian karangan ini pelajar dikehendaki menulis satu karangan bebas dengan jumlah perkataan kira-kira 25 patah perkataan. Pelajar bebas menulis apa sahaja tajuk yang dikehendaki oleh mereka, mereka tidak diikat dengan syarat-syarat tertentu. Yang penting dalam ujian ini ialah pelajar dapat menulis sesuatu yang difikirkan mengenai sesuatu tajuk dan mengungkap idea tersebut dalam ayat yang tepat terutama penggunaan partikel “al” (fokus kajian) dalam ayat mereka.



Geraf 5.23 Ujian Karangan

Keputusan Dan Analisis Ujian Bertulis Karangan

Tahap pencapaian pelajar yang dinilai mengikut skala berikut:

(0-5) kesilapan penggunaan partikel “al” –cemerlang, (6 – 10) kesilapan-sederhana, 11 dan seterusnya –lemah.

Data menunjukkan tahap pencapaian pelajar dalam karangan bertulis mereka. Seramai 45 pelajar (90 %) telah gagal pada tahap lemah, 5 pelajar (10%) pada tahap sederhana, dan tiada seorang pelajar pun yang berada pada tahap cemerlang.

Ini menunjukkan tahap penguasaan pelajar yang amat lemah khususnya aspek penggunaan partikel “al” .

Justeru data-data yang dicatatkan perlu diberi perhatian oleh pihak-pihak yang mempunyai kaitan langsung dan tidak langsung dalam P&P bahasa Arab di sekolah-sekolah khususnya kepada pelajar Melayu.

Antara contoh kesilapan penggunaan partikel “al” yang didapati dalam karangan bertulis pelajar :

أَذْهَبُ إِلَى الْمَدْرَسَتِي فِي الصَّبَاحِ

Dalam ayat ini pelajar telah menambahkan partikel “al” dalam perkataan *الْمَدْرَسَتِي* yang diakhiri dengan *ya’ al-mutakallim* .ini adalah menyalahi kaedah kaedah tatabahasa Arab. Ia sepatutnya ditulis *مَدْرَسَتِي* sahaja tanpa partikel “al” kerana perkataan tersebut telah menjadi muda:f.

Antara punca kesilapan ini berlaku adalah disebabkan pengaruh bahasa ibunda. Dalam bahasa Melayu penggunaan kaedah tatabahasa seperti partikel “al” adalah tidak wujud, justeru pelajar membuat terjemahan langsung daripada bahasa ibunda mereka.

5.6 Perbincangan Dapatan Kajian

Berdasarkan analisis ke atas dapatan kajian, penulis akan membincangkan beberapa aspek bagi menjelaskan dan menjawab persoalan kajian yang dikemukakan dalam bab satu. Perbincangan akan menyentuh perkara-perkara berikut:

- i) Analisis penguasaan pelajar terhadap partikel “al” secara keseluruhan.

- ii) Hubungan antara pencapaian, minat, motivasi, dengan keputusan kajian.
- iii) Faktor-faktor yang mempengaruhi penguasaan pelajar terhadap partikel “al” dan faktor-faktor yang menyebabkan kesilapan.
- iv) Pengaruh bahasa Melayu ke atas kemahiran pelajar menggunakan partikel “al” bahasa Arab

5.6.1. Analisis Penguasaan Pelajar Terhadap Partikel “al” Secara Keseluruhan.

Memahami fungsi yang dimainkan oleh setiap partikel secara umum dan partikel “al” secara khusus adalah kunci kepada penguasaan. Jika pelajar tidak dapat memahami fungsi-fungsi makna yang wujud akan menyebabkan kegagalan dalam penguasaan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa lebih separuh pelajar gagal dalam ujian yang dikemukakan. Kegagalan ini adalah berpunca daripada kesalahan mereka yang tidak dapat membezakan fungsi-fungsi makna yang dimainkan oleh setiap partikel “al”. Lebih menyedihkan ada pelajar yang tidak menjawab langsung soalan tersebut, ini menampakkan kelemahan dan komitmen mereka yang amat daif (5%). Secara terperinci, kita boleh menyatakan kesalahan tersebut adalah seperti berikut:

5.6.1 (a) Item 1-15 dikemukakan adalah untuk melihat penguasaan pelajar dalam menentukan perkataan-perkataan yang berimbuhan hadapan (prefix) partikel “al” dalam sesuatu perkataan. Pelajar dikehendaki memilih jawapan yang tepat sama ada skor (أ) atau skor (ب), terdapat pelajar yang tidak menjawab langsung, justeru dalam ruangan analisis penulis telah mencatatkan bilangan dan peratusan pelajar yang tidak menjawab langsung.

Berikut adalah dapatan kajian keseluruhan :

k= kekerapan

%= peratus

Jadual 5.42 Keputusan Item 1-15

Item	Perkara	Keputusan Ujian Bertulis					
		Skor (أ)		Skor (ب)		Tidak Menjawab	
		K	%	K	%	K	%
1	Benda Hadir (أل العهد الحضوري)	41	82	9	18	0	0
2	Untuk Benda Maklum (أل للعهد العلمي)	32	64	17	34	1	2
3	Benda Yang Disebut (أل للعهد الدكري)	36	72	13	26	1	2
4	Jenis Mutlak (أل للجنس الكلي أو الداتي)	39	78	6	12	4	8
5	Jenis Anggapan (أل للجنس المجازي)	29	58	21	42	0	0
6	jenis hakikat (أل للجنس الحقيقي الدهني)	39	78	10	20	1	2
7	Sifat Pelaku (أل لصفة الفاعل)	21	42	29	58	0	0

8	Jenis Hakikat (أل للجنس الحقيقي الذهني)	40	80	10	20	0	0
9	Sifat Pelaku (أل لصفة الفاعل)	27	54	22	44	1	2
10	Sifat Pelaku (أل لصفة الفاعل)	28	56	21	42	1	2
11	Sifat Objek (أل لصفة المفعول)	28	56	20	40	2	4
12	Sifat Pelaku (أل لصفة الفاعل)	34	68	15	30	1	2
13	Tambahan Kekal (أل الزائدة اللازمة)	29	58	11	22	10	20
14	Tambahan Kekal (أل الزائدة اللازمة)	27	54	9	18	14	28
15	Tambahan Kekal (أل الزائدة اللازمة)	31	62	5	10	14	28

5.6.1 (b) Item 16-20 dikemukakan adalah untuk melihat penguasaan pelajar bagi menentukan jenis partikel “al”. pelajar dikehendaki menentukan jenis partikel-partikel yang betul. Dapatan keseluruhan kajian adalah seperti berikut:

Jadual 5.43 Keputusan Item 16-20

Item	Perkara	Keputusan Ujian Bertulis					
		Skor (أ)		Skor (ب)		Skor (ت)	
		K	%	K	%	K	%
16	Benda Hadir (أل العهد الحضوري)	27	54	9	18	14	28
17	Benda Maklum (أل للعهد العلمي)	31	62	5	20	14	28

18	Sifat Pelaku (أل لصفة الفاعل)	28	56	20	40	2	4
19	Tambahan Sengaja (أل الزائدة العارضة الاختيارية)	34	68	15	30	1	2
20	Sifat Tabii (أل للصفة المشبهة)	29	58	11	22	10	20

5.6.1(c) Berikut pula adalah analisis keseluruhan keputusan kajian terhadap soalan–soalan yang dikemukakan berdasarkan skor tepat dan salah. (pelajar yang dapat menjawab dengan betul dan perbandingan dengan pelajar yang menjawab dengan salah).

Jadual 5.44 Analisis Item Skor Tepat Dan Salah

Bil	Perkara	Keputusan Ujian Bertulis			
		Skor tepat		Skor salah	
		K	%	K	%
1	Benda Hadir (أل العهد الحضورى)	41	82	8	16
2	Untuk Benda Maklum (أل للعهد العلمى)	32	64	18	36
3	Benda Yang Disebut (أل للعهد الذكرى)	36	72	14	28

4	Jenis Mutlak (أل للجنس الكلي أو الداتي)	39	78	16	28
5	Jenis Anggapan (أل للجنس المجازي)	29	58	21	42
6	Jenis Hakikat (أل للجنس الحقيقي الدهني)	40	80	10	20
7	Sifat Pelaku (أل لصفة الفاعل)	21	42	29	58
8	Jenis Hakikat (أل للجنس الحقيقي الدهني)	40	80	10	20
9	Sifat Pelaku (أل لصفة الفاعل)	27	54	23	46
10	Sifat Pelaku (أل لصفة الفاعل)	28	56	22	44
11	Sifat Objek (أل لصفة المفعول)	28	56	22	44
12	Sifat Pelaku (أل لصفة الفاعل)	34	68	16	32
13	Tambahan Kekal (أل الزائدة اللازمة)	29	58	21	42
14	Tambahan Kekal (أل الزائدة اللازمة)	27	54	23	46
15	Tambahan Kekal (أل الزائدة اللازمة)	31	62	19	38
16	Benda Hadir (أل العهد الحضورى)	27	54	23	46
17	Benda Maklum (أل للعهد العلمى)	31	62	19	38
16	Sifat Pelaku (أل لصفة الفاعل)	28	56	22	44
19	Tambahan Sengaja (أل الزائدة العارضة الاختيارية)	34	68	16	32
20	Sifat Tabii (أل للصفة المشبهة)	29	58	21	42

5.6.1 (d) Rumusan.

Analisis pada jadual 5.44 secara keseluruhannya menunjukkan sebanyak 65% pelajar telah berjaya menjawab dengan tepat. Namun terdapat seramai 35% yang tidak berjaya menjawab secara keseluruhan soalan yang dikemukakan. Jika ditinjau daripada analisis per item maka analisis menunjukkan responden berjaya menjawab dengan baik item berkaitan partikel soalan benda Hadir (أل) (أل للعهد الحضوري) iaitu sebanyak 82% tepat dan hanya 16% sahaja yang salah, menduduki tempat kedua tepat dengan peratusan 80% ialah item berkaitan partikel jenis mutlak (أل للجنس الكلي أو الذاتي).

Dengan peratusan antara 60 % ke 79% yang berjaya dicapai oleh responden ialah item-item yang berkaitan partikel benda maklum (أل للعهد العلمي) 62%, partikel tambahan kekal (أل الزائدة اللازمة) 62%, untuk benda maklum (أل للعهد العلمي) 64%, partikel sifat pelaku (أل لصفة الفاعل) 68%, partikel tambahan sengaja (أل للعهد الذ) 68% dan partikel benda yang disebut (أل للعهد الذكري) 72%.

Dengan peratusan tepat antara 50%-59% item-item yang berkaitan partikel tambahan kekal (أل الزائدة اللازمة) 52%, partikel benda Hadir (أل للعهد الحضوري) 54%, partikel tambahan kekal (أل الزائدة اللازمة) 56%, partikel sifat tabii (أل للصفة المشبهة) 58% juga partikel jenis Anggapan (أل للجنس المجازي).

Peratusan terendah yang dicatatkan ialah partikel sifat pelaku (أل لصفة الفاعل) dengan peratusan 42% sahaja.

Setelah kita melihat pembentangan analisis keseluruhan, secara perbandingannya peratusan terendah yang dicatatkan adalah partikel sifat pelaku (أل لصفة الفاعل) dengan peratusan 42% sahaja dan peratusan yang terbaik baik ialah item yang berkaitan partikel benda Hadir (أل العهد الحضورى) iaitu sebanyak 82%. Justeru dengan pembentangan analisis ini menunjukkan pelajar masih lemah dalam menguasai partikel “al”, justeru para guru, dan mereka yang berkepentingan bolehlah memberi fokus kepada partikel-partikel yang mempunyai tahap kekeliruan yang tinggi seperti dipaparkan, supaya dapat merungkaikan permasalahan yang dihadapi pelajar, di samping itu juga mencari penyelesaian terbaik kepada kekeliruan yang dihadapi.

5.6.2 Faktor-Faktor Penyebab Berlakunya Kesilapan.

Setelah mengenal pasti jenis-jenis kesilapan penggunaan partikel (أل) yang dilakukan oleh pelajar dan bagaimana besarnya implikasi kesilapan tersebut ke atas aspek makna (sebagaimana yang telah dibincangkan tentang faktor-faktor yang mempengaruhi kesilapan bahasa yang telah dilakukan oleh

pelajar. Faktor-faktor tersebut melibatkan kaedah dan teknik pengajaran dan juga sukatan pengajaran, pengajar dan juga pelajar selain daripada faktor tatabahasa arab itu sendiri. Perkara kedua yang akan dibincangkan dalam bab ini ialah cadangan dan saranan yang dirasakan berupaya membantu untuk mengatasi masalah tersebut.

Berdasarkan dapatan ujian bertulis dan lisan, data soal selidik dan juga pengalaman mengajar bahasa Arab selama 10 tahun, dapat disimpulkan bahawa faktor-faktor penting yang menyebabkan berlakunya kesilapan dalam kalangan pelajar adalah melibatkan pelbagai aspek dan pihak, iaitu aspek pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran, sukatan dan bahan pengajaran, pengajar dan aspek yang melibatkan diri pelajar sendiri di samping faktor-faktor lain. Huraianya adalah seperti berikut:

5.6.2(a) Faktor Pendekatan, Kaedah dan Teknik Pengajaran Bahasa Arab.

Kaedah yang diwarisi sejak berzaman dalam pengajaran bahasa Arab adalah kaedah tradisional yang menggunakan pendekatan nahu dan terjemahan. Kebaikannya menjadikan pelajar cukup mahir tentang tatabahasa dan peraturan bahasa namun kelemahan yang nyata ialah kurang mampu

berkomunikasi dan terlalu berhati-hati dalam menyusun perkataan dan ayat sama ada dalam pertuturan atau pun penulisan, akibat daripada rasa terikat dengan hukum- hakam bahasa Arab yang telah dihadap sekian lama.

Namun pendekatan terkini yang digunakan lebih berfokuskan komunikasi dan agak mengabaikan tatabahasa telah menghasilkan pelajar yang agak berani berkomunikasi, tetapi pelajar tersangat daif tentang aspek tatabahasa bahasa Arab, rumus-rumus dan peraturannya.

Akibatnya, dalam keberanian mereka menggunakan bahasa Arab sama ada dalam penulisan mahupun pertuturan, didapati ayat yang dihasilkan sarat dengan kesilapan demi kesilapan. Ini terbukti apabila mereka tidak mampu menentukan bilakah penggunaan partikel (al) diperlukan ataupun sebaliknya.

Justeru, pada pandangan penulis, satu kaedah yang menggabungkan kaedah tradisional dan moden perlu diperkenal dan dipraktikkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran pada peringkat ini demi melihat kefahaman, pencapaian yang lebih gemilang dalam kalangan pelajar. Kaedah tradisional yang berorientasikan pendekatan nahu dan terjemahan dan kaedah moden yang berorientasikan komunikasi perlu digabung dan dipraktikkan dalam kelas.

5.6.2(b) Sukatan

Penulis berpendapat bahawa pelajar perlu didedahkan tentang aspek partikel “al” dengan lebih mendalam lagi, ini adalah kerana pada peringkat seperti ini matlamat pembelajaran bukan lagi untuk tujuan komunikasi seperti peringkat menengah rendah. Matlamat pembelajaran bahasa Arab pada peringkat ini adalah untuk tujuan ilmiah dan penguasaan yang mendalam, justeru pada pandangan penulis sewajarnya sukatan bahasa Arab khususnya tatabahasa pada peringkat ini tidaklah hanya sekadar penerangan secara ringkas dan mendatar sahaja tetapi perlu lebih mendalam dan dipersembahkan dalam bentuk kajian kontrasif bagi memperlihatkan aspek-aspek perbezaan agar pelajar lebih cepat memahami tajuk-tajuk yang dipelajari. Seperti yang penulis tegaskan sebelum ini tentang kepentingan menguasai aspek partikel “al” dalam bahasa Arab, maka sukatan pelajaran perlu memberi fokus terhadap tajuk-tajuk sebegini agar pelajar mampu menguasai bahasa Arab dengan baik.

Seperti yang telah penulis terangkan dalam bab yang sebelumnya bahawa aspek partikel “al” tidak wujud dalam kerangka bahasa Melayu, lantaran itu menjadi kesukaran kepada pelajar bahasa Melayu khususnya untuk menguasai tajuk tersebut. Penulis berpendapat setelah melihat kepentingan

untuk menguasai tajuk sebegini, maka guru hendaklah memberikan fokus yang lebih bagi memungkinkan pelajar menguasainya.

Antara elemen negatif lain pada pandangan penulis dalam konteks sukatan pelajaran ialah tidak wujudnya kesinambungan sukatan antara menengah rendah, menengah atas dan peringkat STPM. Justeru pihak yang bertanggungjawab perlu memikirkan semula dalam usaha melestarikan kesinambungan sukatan pelajaran yang diajar semenjak menengah rendah hingga ke peringkat STPM atau pun dalam kata lain antara tingkatan dengan tingkatan-tingkatan yang seterusnya agar menjadi lebih tersusun dan berkesinambungan antara satu dengan yang seterusnya.

5.6.2(c) Guru

Tidak dinafikan peranan guru dalam kemahiran pelajar menulis ayat. Sewajarnya guru adalah seorang yang boleh berbahasa Arab. Pelajar akan lebih bersemangat dan berminat dengan kebolehan dan keupayaan tinggi guru menuturkan sesuatu bahasa yang diajar. Pengalaman penulis sendiri yang telah mengajar mendapati ramai rakan sepejabat dalam proses pembelajaran dan pengajaran tidak menggunakan bahasa Arab sebagai medium utama komunikasi dalam kelas, ada pula daripada kalangan mereka yang tidak langsung mampu untuk berkomunikasi dalam bahasa Arab.

Sebahagian besar pula yang mengajar bahasa Arab tidak mempunyai pengkhususan dalam bidang tersebut.

Sebagaimana ditegaskan oleh Lado (1964:10), edisi terjemahan:

“ Seseorang itu mesti layak dari segi ikhtisas untuk menjalankan tugas ikhtisas. Guru bahasa mestilah terpelajar, sekurang-kurangnya mencapai peringkat yang patut dicapainya. Dia mestilah terlatih secara umumnya sebagai seorang guru. Di samping itu dia mestilah mempunyai kelayakan berikut dalam bahasa asing yang diajarnya itu”.

Abu Khudri (1994:35) menegaskan:

التَّخْصِيصُ فِي اللُّغَةِ الْعَرَبِيَّةِ شَرْطٌ أَسَاسِيٌّ فِي مُدْرَسِ اللُّغَةِ الْعَرَبِيَّةِ”

Maksudnya: Pengkhususan dalam bidang bahasa Arab adalah syarat utama yang mesti ada pada seorang pengajar bahasa Arab.

Realitinya kini sebahagian tenaga pengajar bahasa Arab kini adalah daripada kalangan mereka yang bukan berpengkhususan bahasa Arab. Lantaran itu kualiti pengajaran mereka dalam aspek pengkhususan bahasa Arab boleh meragukan. Namun ini bukanlah menidakkan sumbangan mereka dan kepakaran mereka dalam bidang-bidang tertentu.

Dari aspek pendekatan mengajar bahasa Arab juga adalah sedikit berbeza dengan mengajar mata matapelajaran Pendidikan Islam dan lainnya.

5.6.2 (c.1) Teknik Mengajar Guru

Teknik mengajar pendidikan Islam lebih berbentuk syarahan. Tetapi mengajar bahasa mempunyai tekniknya yang tersendiri, variasi teknik perlu diaplikasikan agar pelajar mampu menguasai satu-satu tajuk yang diajarkan. Dalam konteks ini pengajar bukan sahaja perlu menguasai kandungan yang diajarkan tetapi juga perlu menguasai teknik dan pendekatan terbaik dalam proses pengajaran tersebut. Hasil dari pemerhatian penulis sendiri melihat kawan-kawan guru yang lain mereka lebih cenderung untuk bersyarah di hadapan dan kurangnya hubungan dua hala antara pelajar dan guru.

5.6.2 (c.2) Faktor Beban Kerja Guru

Mutakhir ini para guru juga sering merungut tentang beban kerja yang mereka hadapi. Pengalaman penulis sendiri boleh dijadikan sebagai satu contoh terdekat dalam membuktikan alasan ini. Apa tidaknya dengan waktu mengajar yang menjangkau kadang kala 26-27 waktu seminggu turut dibebani dengan tugas perkeranian mengisi borang itu dan borang ini, laporan itu dan laporan ini. Menjadi guru pengiring, hakim, juru latih,

petugas sukan dan sebagainya, membawa pelajar ke pertandingan pelbagai peringkat dan lainnya yang semuanya memerlukan komitmen dan masa yang tidak sedikit sehingga terabai tanggungjawab yang utama iaitu mengajar, kelas-kelas terpaksa ditinggalkan dan yang menjadi mangsa adalah pelajar juga.

5.6.2(d) Faktor Pelajar

Beberapa aspek yang terdapat pada diri pelajar itu sendiri yang juga turut mempengaruhi penguasaan mereka menggunakan partikel “al” dalam penulisan mereka. Dapatan menunjukkan terdapat hubungan antara sikap pelajar terhadap bahasa Arab, keputusan PMR, keputusan SPM dalam pencapaian mereka dalam ujian yang dilaksanakan kepada mereka.

5.6.2 (d.1) Hubungan Antara Pencapaian B.Arab Pelajar Dalam PMR Dengan Keputusan Kajian

Item	Perkara	Pencapaian	Kekerapan	Peratus
6	Keputusan Bahasa Arab PMR	A	8	16
		B	13	26
		C	17	34
		D	6	12
		E	6	12
		F	0	0
Jumlah			50	100

Jadual 5.46 Keputusan Bahasa Arab PMR

5.6.2(d.2) Hubungan Antara Pencapaian B.Arab Pelajar Dalam SPM Dengan Keputusan Kajian

Item	Perkara	Pencapaian	Kekerapan	Peratus
8	Keputusan Bahasa Arab SPM	A1	0	0
		A2	0	0
		B3	5	10
		B4	6	12
		C5	10	20
		C6	11	22
		D7	16	32
		E8	2	4
		F9	0	0
Jumlah			50	100

Jadual 5.47 Keputusan Bahasa Arab SPM

Jadual 5.46 yang sebelumnya menerangkan pencapaian bahasa Arab dalam PMR. Sebanyak 8 responden (16%) telah mendapat pangkat A dalam PMR. Diikuti sebanyak 13 responden (26%) telah mendapat pangkat B, seramai 17 responden (34%) yang mewakili majoriti telah mendapat pangkat C, manakala pangkat D dan E seramai 6 responden (12%) setiap satunya. Pangkat terendah iaitu F mencatatkan tidak ada responden yang mendapat keputusan demikian.

Sebagai perbandingan kita lihat pula pencapaian responden dalam SPM:

Jadual 5.47 menerangkan pencapaian B.Arab dalam SPM. Sebanyak 5 responden (10%) telah mendapat pangkat B3 dalam SPM yang merupakan tahap pencapaian tertinggi yang dicatatkan. Diikuti sebanyak 6 responden

(12%) telah mendapat pangkat B4, seramai 10 responden (20%) yang mewakili majoriti telah mendapat pangkat C5, manakala pangkat C6 11 responden (22%) . D7 seramai 16 responden (32%) dan E8 2 responden (4%) yang merupakan tahap terendah yang dicatatkan, tidak ada responden yang mendapat keputusan demikian.

Daripada analisis diatas boleh disimpulkan kebanyakan responden yang belajar di tingkatan Enam adalah daripada kalangan mereka yang lemah pencapaian mereka dalam mata pelajaran bahasa Arab terutamanya pada peringkat SPM, ini dibuktikan dengan keputusan mereka yang kurang cemerlang dengan pencapaian minimum C6 – E8 yang mewakili 58% daripada jumlah keseluruhan pelajar. Keputusan terbaik yang dicatatkan hanya pada B3 10% dan tiada responden yang mendapat A dalam matapelajaran tersebut. Pada hemat penulis ini cuba menjadi salah satu faktor yang menyebabkan penguasaan pelajar yang lemah dalam bahasa Arab secara umum dan penguasaan parikel “al” secara khusus, atau dalam kata lain faktor asas bahasa Arab Pelajar yang lemah..

5.6.2(c.2) Hubungan Antara Persepsi, Minat, Motivasi Dengan Keputusan Kajian

Jadual 5.48 Persepsi, Minat, Motivasi

Item	Perkara	Persepsi	Kekerapan	Peratus
14	Persepsi pelajar terhadap bahasa Arab	Sangat sukar dipelajari	5	10
		Sukar dipelajari	22	44
		Sederhana	19	38
		Mudah dipelajari	3	6
		Amat mudah dipelajari	1	2
Jumlah			50	100

Dapatan jadual 6.6 Menunjukkan majoriti pelajar 22 orang (44%) berpendapat mempelajari bahasa Arab adalah sukar dan 10 pelajar (20%) berpendapat bahasa Arab amat sukar dipelajari. Seramai 19 pelajar (38%) berpendapat kesukaran mempelajari bahasa Arab adalah sederhana. Manakala 3 pelajar (6%) berpendapat bahawa mempelajari bahasa Arab adalah mudah dan hanya seorang pelajar (2%) sahaja yang berpendapat bahawa bahasa Arab amat mudah dipelajari.

Jadual 5.49

Bil	Kenyataan	STS		TS		S		SS	
		Bil	Peratus	Bil	Peratus	Bil	Peratus	Bil	Peratus
1	Sangat menyukainya	1	2	10	20	30	60	9	18
2	Menurut kehendak keluarga	14	28	16	32	18	36	2	4
3	Ingin memahami bahan bacaan Bahasa Arab	1	2	4	8	33	66	12	24
4	Ingin memahami al-Quran	0	0	1	2	20	40	29	58
5	Ingin mendapat pekerjaan yang baik	3	6	10	20	21	42	16	32

Dapatan pada jadual 5.49 menunjukkan semua pelajar yang menganggap bahasa Arab sangat sukar di pelajari, yang beranggapan mempelajari bahasa

Daripada jadual 5.49 dapatlah dibuat beberapa kesimpulan tentang sebab dan dorongan mereka mempelajari bahasa Arab. Kebanyakan responden bersetuju tentang perkara-perkara berikut

1. Mempelajari bahasa Arab kerana mereka sangat menyukainya. (60% sangat setuju)

2. Mempelajari bahasa Arab kerana ingin memahami bahan bacaan Bahasa Arab (36% sangat setuju)

3. Mempelajari bahasa Arab kerana ingin memahami al-Quran (66 % setuju)

4. Mempelajari bahasa Arab kerana ingin mendapat pekerjaan yang baik (40% setuju)

Kebanyakan responden pula tidak bersetuju dengan kenyataan bahawa mereka mempelajari bahasa Arab kerana menurut kehendak keluarga (14 (28) sangat tidak bersetuju dan 16 (32%) tidak bersetuju.

Dapatan di atas jelas menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar mempunyai minat yang tinggi untuk mempelajari bahasa Arab. Minat mereka untuk mempelajari bahasa Arab adalah terdorong daripada kehendak mereka sendiri dengan dorongan–dorongan yang bersifat keagamaan seperti keinginan memahami al-Quran. Namun apa yang mendukacitakan minat yang tinggi ini tidak menjadi momentum kepada mereka untuk berusaha dengan lebih gigih untuk menguasai bahasa Arab. Dapatan berikut akan membuktikan sikap pelajar yang tidak selari dengan minat mereka. Analisis menunjukkan

bahawa pencapaian ujian bertulis mempunyai hubungan dengan pencapaian, persepsi, minat, motivasi pelajar.

Pembelajaran bahasa Arab yang tidak mengikut strategik yang berkesan merupakan antara sebab kelemahan mereka. Dapatan soal selidik bahagian pertama menunjukkan budaya belajar yang kurang sempurna seperti tidak mempunyai jadual peribadi khas, waktu belajar bahasa Arab yang terlalu sedikit, sumber bacaan bahasa Arab yang terhad, kurang melibatkan diri dengan aktiviti Persatuan Bahasa Arab yang menyebabkan mereka tidak dapat mempraktikkan apa yang telah mereka pelajari dalam kelas.

Dapatan soal selidik bahagian dua menunjukkan pelajar mempunyai minat dan dorongan yang tinggi untuk mempelajari bahasa Arab seperti ingin memahami al-Quran, dan memahami bacaan dalam bahasa Arab. Namun minat dan dorongan sahaja tidak mencukupi, analisis menunjukkan sebahagian pelajar tidak mempelajari bahasa Arab dengan baik. Kebanyakan mereka tidak gemar melibatkan aktiviti dalam kelas yang memerlukan keberanian menunjukkan keupayaan sebenar mereka seperti mempraktikkan bahasa Arab di hadapan kelas dengan membentangkan sesuatu tugas. Sikap pasif ini hanya akan menyukarkan mereka dalam mempelajari bahasa Arab.

Pihak guru dan pengurusan sewajarnya merancang sesuatu untuk mengubah situasi ini. Antara cadangan yang dapat dilakukan ialah:

- wujudkan persaingan yang sihat antara sesama pelajar dalam satu sekolah, daerah, atau negeri dengan ganjaran yang lumayan dan memberangsangkan
- mengadakan ceramah motivasi yang menceritakan kelebihan bahasa Arab serta faedah dari penguasaannya yang mapan daripada penceramah-penceramah atau motivator–motivator yang berpengalaman dan mampu mempengaruhi pelajar untuk berusaha dengan gigih dan bersemangat.
- mewujudkan suasana persekitaran yang kondusif untuk mempelajari bahasa Arab seperti memperbanyakkan papan-papan tanda, papan-papan kenyataan dalam bahasa Arab.
- menjemput penutur asal untuk membolehkan pelajar merasai sendiri pengalaman berbahasa Arab dengan mereka.
- mengadakan lawatan-lawatan ke tempat yang mempunyai suasana kearaban seperti ke Universiti Islam Antarabangsa dan sebagainya.

Faktor-Faktor Lain Yang Mempengaruhi Penguasaan Pelajar

5.6.2 (e) Kesilapan Interlanguage

Iaitu kesilapan yang berkaitan gangguan bahasa ibunda sebagai penyebab berlakunya kesilapan dalam bahasa sasaran. Jelas sekali dalam penyusunan

ayat, pelajar telah terpengaruh dengan struktur bahasa Melayu yang bercirikan aglutinatif, iaitu dengan hanya melekat-lekatkan kata atau menyambung perkataan boleh menghasilkan ayat yang gramatis. Contohnya untuk mengatakan “ada” hanya perlukan perkataan yang memberi erti “ada” yang sedia ada dalam pengetahuannya seperti kata kerja (وجد). Sedangkan maksud “ada” bagi perkataan tersebut ialah dia (m) telah menjumpai/mendapati. Contoh lain dalam konteks partikel “al”

Contohnya (الرَّجُلُ الْكَرِيمُ لَا يَخُونُ غَيْرَهُ)

Maksudnya “lelaki yang mulia tidak mengkhianati orang lain”.

Dalam contoh tersebut, Perkataan (الكريم) tersebut merujuk kepada ciri mulia yang sentiasa ada pada lelaki tersebut. Dalam konteks ayat tersebut, partikel “al” berada di awal kata sifat tersebut menyamai fungsi kata relatif pancangan

(الذي). Perlu diingatkan sekali lagi bahawa di bawah kategori kata sifat, pelajar perlu berhati-hati apabila menterjemah dengan menggunakan kata sifat definit, iaitu sama ada ia didahului oleh kata nama atau pun tidak.

5.6.2(f) Generalisali Melampau Serta Ketidak Tahuan Tentang Batasan Kaedah

Sebahagian pelajar apabila menguasai satu-satu kaedah, mereka terus menggunakan semua kaedah tersebut dalam semua keadaan. Ini menyebabkan mereka terjebak dalam kesilapan akibat tindakan mereka yang mengeneralisasikan satu-satu kaedah secara melampau. Sebagai contoh mereka apabila menguasai kaedah partikel “al” di permulaan perkataan muftada’ yang muftad maka kaedah ini terus digeneralisasikan dalam semua keadaan sehinggakan perkataan yang tidak perlu diletakkan partikel ”al” pun diletakkan seperti;

kata nama khas “مَالِيْزِيَا” dijadikan “المَالِيْزِيَا” dalam ayat

المَالِيْزِيَا فِي آسِيَا menjadi مَالِيْزِيَا فِي آسِيَا.

5.6.2(g) Faktor Kecuaian

Ada daripada kalangan pelajar yang telah menguasai satu-satu tajuk dengan baik, tetapi apabila diminta untuk mengaplikasikannya dalam bentuk praktikal mereka sering melakukan kesilapan, ini berdasarkan pengalaman penulis sendiri apabila diminta daripada pelajar untuk menerangkan faktor kesilapan mereka, pelajar tersebut memberitahu mereka tahu sebenarnya tetapi mereka cuai dalam proses aplikasi. Secara toerinya mereka mengetahui, tetapi lemah dalam aspek aplikasi kerana faktor kecuaiian.

5.6.2 (h) Faktor Ciri-Ciri Sintaksis Bahasa Arab

Antara faktor lain yang mempengaruhi pelajar untuk melakukan kesilapan ialah faktor sintaksis bahasa Arab itu sendiri. Ini adalah kerana sintaksis bahasa Arab amat berbeza dengan sintaksis bahasa Melayu. Seperti yang telah dibincangkan dalam bab dua dan bab tiga bahawa bahasa Melayu juga mempunyai kaedah sintaksisnya tersendiri, faktor-faktor ini memerlukan kajian kontrastif untuk membolehkan penguasaan ditahap maksimum. Pelajar menghadapi kekeliruan dalam mengaplikasikan satu kaedah yang dipelajari kerana mereka akan cuba membuat kiasan ataupun perbandingan dengan bahasa ibunda mereka, sebagai contoh,

Dalam bahasa Arab, ayat boleh dimulakan dengan variasi jenis ayat. Ayat boleh dimulakan dengan *jumlat al-fi'liyyat*, *jumlat al-ismiyyat* dan *sibh al-jumlat* tetapi dalam bahasa Melayu ayat hanya dimulakan dengan *jumlat al-ismiyyat* sahaja. Pelajar menjadi keliru dan teragak-agak dan mengaplikasikan jenis-jenis ayat ini.

Dalam konteks aplikasi partikel “al”, pelajar menjadi amat keliru kerana bandingannya dalam bahasa melayu tidak wujud, justeru pelajar akan kerap tersilap dan tersasar penggunaannya sama ada dalam penulisan atau pun percakapan mereka. Bahasa Melayu tidak mengambil kira tentang konsep

genus, bilangan, masa dan tidak ada konsep kasus, lantaran itu apabila mereka mempelajari bahasa Arab dan cuba menggunakannya para pelajar pastinya menghadapi kekeliruan. Namun masalah ini akan dapat diatasi apabila pelajar tersebut telah melalui satu jangka masa tertentu dan telah didedahkan dengan kaedah-kaedah tertentu.

Faktor-Faktor Sampingan

5.6.2 (i) Persekitaran

Pengaruh bahasa pertama ini akan kelihatan jelas pada peringkat permulaan seseorang mempelajari bahasa kedua atau bahasa asing. Namun ianya akan beransur-ansur hilang apabila pelajar mencapai satu tahap kemahiran berbahasa yang tinggi dalam bahasa tersebut. Kemahiran ini tidak akan tercapai dengan hanya mempelajarinya dalam bilik darjah sahaja, malahan ianya perlu kepada mempraktikkannya dengan konsisten bersama penutur asli bahasa tersebut dalam pelbagai situasi kehidupan. Untuk itu, pelajar itu perlu kepada persekitaran bahasa Arab yang sewajarnya. Dengan persekitaran bahasa yang agak sukar dibentuk dalam suasana masyarakat sekolah di Malaysia, guru sepatutnya menjadikan suasana bahasa Arab itu sentiasa wujud semasa seisi pembelajaran bahasa Arab dalam kelas dengan

mempraktikkan teknik pengajaran dan pembelajaran dua hala antara guru dengan pelajar atau sesama pelajar dalam bahasa Arab.

Satu kenyataan yang tidak dapat disangkal ialah amat sukar untuk membentuk persekitaran bahasa Arab di mana institusi peringkat sekolah. Ini adalah kerana bahasa Arab hanyalah sebagai satu subjek yang dipelajari dalam waktu yang terhad dan matlamat yang terbatas. Jadi apa yang mampu dan boleh dilakukan oleh guru ialah mewujudkan suasana berinteraksi dalam bahasa Arab semasa proses pembelajaran bahasa Arab berlaku dalam kelas.

Persekitaran bahasa Arab yang menarik amat perlu dititikberatkan untuk menjadikannya lebih diminati dan difahami oleh pelajar. Menurut Dilay et al:1982, dipetik dari Jamali Ismail (1991:956), persekitaran bahasa meliputi semua yang didengar dan dilihat oleh pelajar dalam bahasa yang dipelajari. Pendedahan pelajar kepada persekitaran bahasa Arab akan membantu mereka mempelajarinya dengan mudah dan berkesan. Beberapa kajian telah membuktikan pendapat ini. Antaranya kajian yang dijalankan oleh Jamali Ismail (1991:959) terhadap pendedahan dan pencapaian dalam bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua dalam kalangan pelajar Melayu menunjukkan bahawa pelajar yang banyak terdedah kepada bahasa Inggeris lebih cekap dalam bahasa tersebut dan begitulah sebaliknya. Justeru dalam konteks bahasa Arab semakin banyak pelajar didedahkan dengan suasana kearaban maka akan banyaklah kesan-kesan bahasa tersebut mempengaruhi aspek

berbahasa para pelajar tersebut. Ini secara tidak langsung akan membolehkan pelajar membetulkan tata bahasa mereka terutamanya aspek penggunaan partikel “al” dalam penggunaan harian mereka lantas diterjemahkan pula penulisan.

Antara yang cadangan yang dapat dilakukan oleh pelajar untuk mewujudkan suasana persekitaran bahasa Arab ialah:

- a) mewujudkan komunikasi dalam bahasa Arab antara pelajar dengan guru atau sesama pelajar.
- b) Mewujudkan siaran radio berbahasa Arab
- c) Membuat pengumuman-pengumuman dalam dalam bahasa Arab
- d) Mengadakan papan iklan dalam bahasa Arab
- e) Melabelkan objek-objek di sekitar sekolah dengan leksikel bahasa Arab
- f) Mewujudkan sudut bahasa Arab dan digantung contoh carta-carta tata bahasa Arab,
- g) Melekatkan nota-nota penting khususnya yang berkaitan aspek tata bahasa dan dibuat kajian kontrastif untuk memudahkan pelajar senang untuk membacanya.
- h) Menceritakan kelas dengan ungkapan, syair, pepatah bahasa Arab.

Kesungguhan guru menggunakan bahasa Arab sepenuhnya akan menggalakkan pelajar mencontohnya. Sebenarnya, guru adalah model yang paling hampir kepada pelajar untuk dicontohi. Pengalaman penulis sendiri menggunakan bahasa Arab sebagai pengantar dalam kelas telah membantu meningkat motivasi sebahagian pelajar, namun pada waktu yang sama penulis juga menghadapi cabaran antara tuntutan untuk menghabiskan sukatan. Ini adalah kerana apabila guru berbahasa Arab sepenuhnya kebanyakan pelajar tidak dapat memahaminya justeru guru terpaksa mengambil masa untuk menerangkan dalam variasi penerangan di samping itu juga terpaksa berlatih dalam memberikan penerangan-penerangan yang berkaitan

Dalam aspek melabelkan objek sekitar sekolah, tinjauan penulis mendapati, masih banyak ruang-ruang yang boleh dilabelkan dalam usaha mewujudkan persekitaran Arab. Penulis sendiri telah berusaha dalam melabelkan tempat-tempat dengan menggantung ungkapan-ungkapan bahasa Arab, tetapi amatlah menyedihkan apabila segelintir pelajar yang pendek akal telah merosakkan label-label yang telah dibuat (disertakan gambar di bahagian lampiran).

Namun ini semua tidak akan mematah semangat penulis untuk memartabatkan bahasa Arab.

5.6.2 (j) Jumlah Jam Pertemuan

Mempelajari bahasa bukanlah seperti mempelajari sesetengah mata pelajaran yang lain. Ada matapelajaran tertentu yang boleh ditingkatkan penguasaannya dengan memperbanyakkan membaca diluar bilik kelas atau memperbanyakkan latihan tertentu di luar bilik kelas tanpa pengawasan guru. Tetapi untuk menguasai bahasa memerlukan kepada latihan dan pengawasan terus daripada guru atau mereka yang berkemampuan untuk memperbetulkan. Dalam konteks pembelajaran bahasa Arab di sekolah, jam pertemuannya hanyalah di dalam kelas sahaja ini tidak mungkin membolehkan pelajar menguasai bahasa tersebut dengan baik. Bahasa Arab pada peringkat menengah rendah waktu P&P sebanyak 6 waktu seminggu, peringkat menengah atas 4 waktu seminggu dan peringkat STPM 8 waktu seminggu termasuk kertas bahasa Arab satu dan kertas bahasa Arab 2.

Guru menghadapi kekangan waktu dalam membahagikan tuntutan antara untuk mengejar sukatan, fokus menjawab peperiksaan atau memastikan pelajar memahami dan menguasai satu-satu tajuk itu dengan baik.

Ditambah pula dengan faktor latar belakang pelajar yang tidak kuat, kebanyakan pelajar yang masuk ke sekolah ini untuk mengambil STPM adalah mereka yang tidak berjaya untuk masuk ke pusat pengajian tinggi

(IPTA) universiti. Ini dapat dilihat dengan soal selidik yang telah dikemukakan dalam bab yang terdahulu. Justeru guru menghadapi cabaran yang besar dalam usaha untuk memastikan penguasaan bahasa Arab yang baik secara umum dan penguasaan partikel “al” secara khususnya.

5.6.2 (k) Pengaruh Bahasa Melayu Ke Atas Kemahiran Berbahasa Arab Pelajar

Pengaruh bahasa ibunda ke atas penutur bahasa kedua atau bahasa asing merupakan salah satu perbincangan utama ahli-ahli bahasa. Pengaruh ini memberi kesan tertentu kepada kadar dan tahap penguasaan seseorang terhadap bahasa kedua atau bahasa asing yang dipelajarinya. Kajian yang terperinci mungkin dapat membantu guru-guru bahasa mengesplotasi aspek-aspek tertentu yang terdapat dalam bahasa pertama untuk menyelesaikan kesukaran yang dihadapi oleh penutur dalam mempelajari bahasa kedua.

Kesimpulan dari perbincangan di atas, pelajar pada peringkat awal pembelajaran bahasa Arab tidak mungkin melarikan diri daripada pengaruh bahasa pertama (bahasa ibunda) mereka. Pengaruh bahasa pertama ini adalah lumrah pada pelajar bahasa kedua atau bahasa asing, ianya memang memberikan kesan kepada ayat yang dibentuk sama ada dari segi struktur

atau makna yang menjelaskan atau melemahkan ayat tersebut begitu juga dalam aspek penggunaan dan penguasaan partikel “al” secara khususnya. Oleh kerana terdapat perbezaan antara tatabahasa Arab dan tatabahasa Melayu khususnya dalam aspek fungsi-fungsi makna yang wujud dalam partikel “al”, guru seharusnya menerangkan dengan lebih mendalam dan membuat sedikit pendekatan kontrastif antara dua bahasa tersebut supaya pelajar dapat membezakan fungsi-fungsinya seterusnya dapat mengaplikasikan partikel-partikel tersebut dalam konteks yang sebetulnya. Pada pandangan penulis pendekatan kontrastif tidak akan mendatangkan masalah kerana pelajar pada peringkat ini sudah cukup matang dan bersedia untuk didedahkan dengan elemen-elemen sebegini.

5.6.2 (l) Buku Teks

Penulis telah membuat tinjauan terhadap buku teks bahasa Arab komunikasi dari tingkatan satu hingga tingkatan tiga ianya lebih menumpukan kepada aspek komunikasi sahaja. Secara tidak langsung hasrat tersirat di samping mampu berkomunikasi, pelajar boleh membentuk dan menulis pelbagai ayat yang dipraktikkan dengan menggunakan tatabahasa yang betul. Dapatan menunjukkan sebaliknya, pelajar gagal menguasai dan membentuk ayat dengan menggunakan perkataan yang betul apatah lagi aspek tatabahasanya yang lintang pukang. Analisis kesilapan yang telah dikemukakan telah

mencatatkan kesilapan paling tinggi dalam aspek tata bahasa khususnya penggunaan semua jenis partikel “al” begitu juga dalam aspek terjemahan dan karangan mereka.

Keadaan ini tidak mengejutkan kerana aspek-aspek ini seolah-olah hilang dari buku teks. Ini mungkin disebabkan penulisan buku yang berteraskan komunikasi seperti yang disarankan oleh Kementerian Pelajaran.

Justeru, aspek yang perlu diselitkan dalam buku teks ialah unsur tatabahasa yang membantu pelajar mengenal pasti peraturan yang membataskan ayat yang betul dan ayat yang salah. Tanpa mempamerkan kaedah tatabahasa dan I'rab, struktur ayat yang menekankan penggunaan tatabahasa tertentu boleh dilihat seperti penggunaan *ma'rifat* dan *nakirat* yang lebih jelas, dan dapat diteliti dan difikirkan oleh pelajar. Ini boleh dilakukan dengan menunjukkan perbezaan antara ayat benar dan salah, perubahan perkataan dan baris pertambahan “al” dan sebagainya.

Pada peringkat menengah atas pula yang bermula dari tingkatan empat hingga tingkatan lima pelajar akan didedahkan dengan pelajaran bahasa Arab Tinggi. Komponen-komponen yang diajarkan dalam mata pelajaran ini agak berbeza dengan bahasa Arab komunikasi. Ini adalah kerana bahasa tinggi mempunyai komponen yang melibatkan tata bahasa Arab yang lebih

luas di samping itu juga komponen retorik (balaghah) juga turut dimuatkan dalam mata pelajaran ini. Apa yang menjadi cabaran kepada pelajar dan guru dalam subjek ini pendedahan yang luas dalam aspek tata bahasa tambahan pula keperluan-keperluan lain yang terdapat dalam sukatan bahasa Arab Tinggi ini begitu banyak, tetapi masa yang diperuntukkan adalah lebih sedikit berbanding bahasa Arab Komunikasi. Pada peringkat bahasa Arab komunikasi masa belajar adalah sebanyak 240 minit seminggu, tetapi untuk peringkat bahasa Arab Tinggi peringkat menengah atas hanyalah 160 minit sahaja seminggu.

Pengalaman penulis sendiri dan kawan-kawan menghadapi kekangan antara kehendak untuk menghabiskan sukatan yang begitu banyak dan kehendak untuk memahamkan pelajar.

Lantaran itu pelajar akan ketinggalan dalam beberapa aspek terutamanya aspek pengukuhan dalam memastikan pelajar benar-benar faham, menghayati dan *hadham* tajuk-tajuk yang telah dipelajari.

5.6.2 (m) Pengurusan Dan Pentadbiran

Pengurusan dan pentadbiran matapelajaran juga memainkan peranan dalam mempengaruhi pencapaian pelajar dalam matapelajaran bahasa Arab. Pengurusan yang tidak teratur akan menjadikan sekolah berterabur, guru-guru hilang tumpuan dan motivasi, lantaran itu pelajar juga yang terkena tempiasnya.

Apabila keadaan ini berlaku guru-guru tidak mempunyai kesempatan yang banyak untuk meneliti kekurangan dan kelebihan kaedah dan teknik pengajarannya. Bahasa Arab agak asing berbanding dengan bahasa Inggeris dan bahasa Melayu kerana pelajar baru mula mempelajari bahasa Arab pada tingkatan satu berbanding dengan bahasa Melayu dan Inggeris telah ajar pada tahap darjah satu lagi. Oleh itu, ia perlu diurus dengan teliti dan berkesan. Antara beberapa aspek pengurusan dan pentadbiran yang agak memberi kesan negatif kepada pelajar guru kurang mendapat pendedahan atau kursus mempertingkatkan pengajaran mereka, guru yang mengajar bahasa Arab bukan dari pengkhususan bahasa Arab, guru terpaksa lebih dari dua mata pelajaran, mengajar melebihi 24 jam seminggu dan masa bahasa Arab yang agak terbatas.

5.7 Kesimpulan

Kesimpulan dari perbincangan ini, bahasa Arab boleh dikuasai pelajar sekiranya semua pihak yang terlibat mengembeling tenaga, idea, dan usaha untuk menjadikan faktor-faktor yang menggerakkan bahasa Arab berfungsi sewajarnya tanpa kekangan-kekangan yang boleh mencatatkan keberkesanannya.